

## Risalah Pemberitahuan Produk – AIBM Group Takaful2u

**Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai AIBM Group Takaful2u. Anda juga patut membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.**

Nama pengendali takaful:	FWD Takaful Berhad ('Pengendali Takaful')
Nama produk:	AIBM Group Takaful2u
Tarikh:	

### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah plan takaful berkelompok dengan pembaharuan tahunan yang memberikan manfaat takaful bagi melindungi kematian dan perkara dilindungi lain yang dinyatakan (jika berkenaan). Plan ini memberi perlindungan takaful sehingga umur 70 tahun (umur pada hari lahir berikutnya).

### 2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian bagi plan ini?

- **Wakalah:** Kontrak di mana peserta melantik Pengendali Takaful untuk mengurus Dana Risiko Peserta (DRP) dan dana peserta yang berkaitan (jika berkenaan) berlandaskan prinsip Syariah serta bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada Pengendali Takaful seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- **Tabarru':** Derma bagi tujuan takaful di mana para peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika berlaku keadaan yang tertentu.
- **Ju'alah:** Ia adalah ganjaran kepada Pengendali Takaful atas prestasi yang baik dalam pengurusan DRP. Bagi produk ini, Pengendali Takaful akan menerima ganjaran dalam bentuk lebihan DRP yang boleh diagihkan, di mana 50% akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan 50% diagihkan kepada peserta yang layak.
- **Qard:** Sekiranya DRP mengalami defisit, kami akan memberikan pinjaman tanpa faedah. Pinjaman tersebut akan dibayar daripada lebihan akan datang dari DRP.

### 3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat yang boleh didapati adalah:

Manfaat	Penerangan	Jumlah dilindungi (RM)
Manfaat kematian – semua sebab	Jumlah dilindungi akan dibayar apabila orang dilindungi meninggal dunia	8,000
Manfaat kematian akibat kemalangan	Tambahan 150% daripada jumlah dilindungi akan dibayar, apabila orang dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan	12,000

Nota:

- Perlindungan takaful anda akan diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga umur 70 tahun (umur pada hari lahir berikutnya).
- Sila rujuk Sijil Induk untuk memahami mengenai bagaimana kami mendefinisikan semua manfaat yang layak, pengecualian serta proses tuntutan bagi plan ini.

### 4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?

- Sumbangan adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak 8%.

### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran wakalah adalah sebanyak 27% daripada sumbangan yang dibayar.

### 6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- **Kepentingan untuk membuat pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan menyatakan umur orang dilindungi dengan betul.
- **Tempoh percubaan:** Jika anda tidak berpuas hati dengan perlindungan takaful, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memulangkan Sijil Induk kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang anda telah bayar tolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung, jika ada, akan dibayar balik kepada anda.
- **Tempoh jaminan sumbangan:** Anda mestilah membayar sumbangan yang ditetapkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula Sijil Induk /endorsmen / pembaharuan bagi perlindungan kepada orang dilindungi.
- **Tuntutan:** Anda perlu maklumkan kepada kami secepat mungkin jika anda ingin membuat tuntutan di bawah perlindungan takaful.

- **Penamatan perlindungan takaful:** Perlindungan takaful individu akan ditamatkan dengan segera sekiranya berlaku salah satu kejadian berikut, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu;
  - a) pada tarikh kami membayar manfaat kematian;
  - b) apabila orang dilindungi mencapai umur 70 tahun;
  - c) apabila perlindungan takaful luput; atau
  - d) pada tarikh kami menerima arahan daripada pemilik sijil untuk menamatkan perlindungan takaful.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Jadual Sijil Takaful/Sijil Induk untuk terma dan syarat yang lengkap.

## 7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk sijil anda.

- Kami tidak akan membayar manfaat kematian sekiranya kematian berlaku akibat bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) dalam masa setahun daripada tarikh kuatkuasa perlindungan takaful di bawah sijil ini.
- Kami tidak akan membayar manfaat kematian akibat kemalangan sekiranya ia berlaku akibat daripada sebab-sebab di bawah:

Pengecualian	Penerangan
Tindakan menyalahi undang-undang	Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika tuntutan yang dibuat adalah akibat anda atau orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk mematuhi undang-undang.
Peperangan	Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika tuntutan adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa kejadian yang serupa.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Induk bagi senarai penuh pengecualian.

## 8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

- Anda boleh membatalkan Sijil Induk anda pada bila-bila masa.
- Jika anda memutuskan untuk membatalkan sijil anda, kami akan memulangkan sebarang sumbangan yang tidak digunakan seperti yang ditentukan oleh pihak kami dan perlindungan takaful akan ditamatkan serta merta.

## 9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda dengan sepatutnya.

## 10. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [fwd.com.my](http://fwd.com.my).
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

### FWD Takaful Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu pejabat : Tingkat 29 Menara Shell  
211 Jalan Tun Sambanthan Brickfields  
50470 Kuala Lumpur

Talian Khidmat : 1300 13 7988  
Tel : 03-2771 7888  
Faks : 03-2710 7800  
E-mel : [contact.my@fwd.com](mailto:contact.my@fwd.com)

Kami akan memberi respon berkenaan aduan anda dalam tempoh 3 hari bekerja selepas kami menerimanya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## 11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Anda boleh menyemak dengan ejen anda atau terus menghubungi kami bagi jenis perlindungan lain yang serupa.

### NOTA PENTING:

**ANDA HENDAKLAH BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI MENEPATI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada \_\_\_\_\_.